



**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN PENERBITAN
TEKS AL-QUR'AN SECARA DIGITAL**

**AKTA PENCETAKAN TEKS AL-QUR'AN 1986
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

GARIS PANDUAN
PERMOHONAN PENERBITAN TEKS AL-QUR'AN SECARA DIGITAL
AKTA PENCETAKAN TEKS AL-QUR'AN 1986
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

1. TUJUAN

Dokumen ini disediakan sebagai panduan bagi penerbitan teks Al-Qur'an secara digital untuk tujuan permohonan Perakuan Pruf Betul Akhir kepada Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an (LPPPQ), Kementerian Dalam Negeri.

Berdasarkan Seksyen 26 Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an (APTQ) (Pindaan) 2023, di bawah kuasa untuk mengeluarkan garis panduan atau arahan, Lembaga boleh mengeluarkan garis panduan atau arahan sebagaimana yang difikirkannya sesuai untuk mengawal selia pencetakan, pengimportan, penerbitan, penjualan, pengedaran, pelupusan, penterjemahan atau pentaksiran teks Al-Qur'an atau bahan Al-Qur'an dan boleh mengenakan apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkan patut oleh Lembaga.

2. PERAKUAN BETUL TEKS AL-QUR'AN SECARA DIGITAL

Berdasarkan Peruntukan di bawah seksyen 6 (1) Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 2023, seseorang yang ingin menerbitkan teks Al-Qur'an secara digital hendaklah memohon Perakuan Betul Pruf Akhir dengan mengemukakan **Salinan Perisian Pruf Akhir Teks Al-Qur'an** kepada Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an (LPPPQ), Kementerian Dalam Negeri.

3. TAFSIRAN

Seksyen 2 Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 (Pindaan) 2023 menerangkan beberapa tafsiran berikut:

"Ayat Al-Qur'an" meliputi mana-mana bahagian Ayat Al-Qur'an dalam Bahasa Arab.

“Bahan Al-Qur'an” ertinya sesuatu dokumen yang mengandungi mana-mana Ayat Al-Qur'an, sama ada dalam tulisan Bahasa Arab atau Braille, Ini termasuk juga Teks Al-Qur'an atau dokumen yang kurang daripada satu juzu' seperti Iqra', Muqaddam, Surah Yasin serta Surah-surah terkumpul, *frame* dan sebagainya.

“Dokumen” ertinya apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana ju pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa ju pun peranti lain.

“Teks Al-Qur'an” ertinya sesuatu dokumen yang mengandungi teks bahasa Arab yang lengkap bagi Al-Qur'an atau mana-mana bahagiannya, sama ada dalam tulisan Bahasa Arab atau Braille, yang mengandungi satu juzu' atau lebih sama ada dengan terjemahan atau tafsiran atau tidak, mengikut mana-mana yang berkenaan". (APTQ 1986).

“Lembaga” ertinya Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an (LPPPQ), Kementerian Dalam Negeri.

“Digital” ertinya mana-mana platform penerbitan sama ada dalam atau luar talian yang melalui internet atau intranet termasuk pelayar, aplikasi telefon bimbit dan lain-lain yang berkaitan.

4. SYARAT PERMOHONAN PENERBITAN TEKS AL-QUR'AN SECARA DIGITAL

- a. Penerbit atau syarikat hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- b. Penerbit dan mana-mana pekerja yang terlibat dengan pembangunan kandungan teks Al-Qur'an secara digital hendaklah beragama Islam.
- c. Syarikat dimiliki oleh orang Islam sepenuhnya.
- d. Mempunyai dua (2) orang Panel Perunding Al-Qur'an dan hendaklah:
 - i. Memiliki kelulusan Tahfiz Al-Qur'an & Qiraat yang diiktiraf sekurang-kurangnya di peringkat Diploma atau setaraf dengannya.

- ii. Bukan terdiri dari kalangan ahli Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Teks Al-Qur'an / Lajnah Taskeh Al-Qur'an, KDN.
 - iii. Memiliki Sijil Profesionalisme Panel Perunding Al-Qur'an KDN.
 - iv. Syarikat boleh merujuk kepada mana-mana ahli Lajnah Taskeh Al-Qur'an KDN bagi mendapatkan khidmat nasihat yang berkaitan dengan penerbitan teks Al-Qur'an.
-
- e. Kebenaran penerbitan teks Al-Qur'an secara digital hanya dikeluarkan bagi satu penerbitan sahaja. Setiap penerbitan yang berlainan hendaklah mendapatkan kebenaran berasingan.

5. SYARAT-SYARAT KANDUNGAN TEKS AL-QUR'AN SECARA DIGITAL.

a. Ayat-Ayat Al-Qur'an

- i. Ayat-Ayat Al-Qur'an yang dipaparkan hendaklah menggunakan kaedah Rasm Uthmani yang ditentukan oleh Lembaga.
- ii. Al-Qur'an adalah berdasarkan Al-Qur'an terbitan Mujamma' Malik Fahd, Madinah Al-Munawwarah termasuk jenis khat nasakh yang digunakan serta jenis khat yang dibenarkan oleh Lembaga.
- iii. Paparan ayat Al-Qur'an dengan paparan selain bahasa Arab adalah tidak dibenarkan.
- iv. Paparan ayat ayat Al-Qur'an berwarna hendaklah mematuhi Garis Panduan Al-Qur'an Tajwid Berwarna berserta Waqaf dan Ibtida' dan Garis Panduan Penandaan Waqaf dan Ibtida' Berwarna Kementerian Dalam Negeri yang ditentukan oleh Lembaga.
- v. Tidak dibenarkan penggunaan sebarang kandungan yang tidak patuh syariah (*iklan online*).
- vi. Surah Al-Fatihah hendaklah dimulakan (muka surat 1) di paparan sebelah kanan, jika memaparkan 2 muka surat dalam 1 paparan.

- vii. Penerbitan pelbagai surah sama ada dalam bentuk teks penuh atau tidak yang mengandungi satu juzu' atau lebih hendaklah berpandukan kepada Al-Qur'an cetakan Mujamma' Malik Fahd, Madinah Al-Munawwarah yang terkini.
- viii. Satu juzu' adalah dikira berpandukan kepada 15 baris ayat bagi setiap muka surat dengan jumlah 20 halaman.

b. **Audio**

- i. Bacaan Qari riwayat Hafs a'n A'sim.
- ii. Bacaan Qari selain riwayat Hafs a'n A'sim adalah dibenarkan dengan syarat ianya dinyatakan.

c. **Terjemahan dan Tafsir**

- i. Terjemahan dan tafsir Al-Qur'an hendaklah mendapat kelulusan dari JAKIM terlebih dahulu.
- ii. Rujukan utama dalam terjemahan Al-Qur'an berpandukan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman keluaran JAKIM.
- iii. Terjemahan hendaklah disertakan dengan teks Al-Qur'an dalam Bahasa Arab, dan terjemahan Al-Qur'an sahaja tidak dibenarkan.
- iv. Terjemahan perkata adalah dibenarkan dengan syarat, disertakan dengan terjemahan penuh dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh pihak Lembaga.
- v. Sebarang penambahan seperti prakata, pendahuluan, penghargaan, panduan, doa dan lain-lain hendaklah diletakkan di akhir paparan mushaf.
- vi. Setiap penerbitan hendaklah dinyatakan riwayat bacaan dalam aplikasi.

d. Paparan Imej Al-Qur'an Digital

Setiap paparan Teks Al-Qur'an secara digital hendaklah didahului dengan imej **"Al-Qur'an Al-Karim"** sebagai pengenalan mushaf sama ada pada halaman utama atau ikon (sekiranya teks Al-Qur'an secara digital merupakan salah satu sub halaman bagi platform tersebut).

e. Syarat-Syarat Tambahan

Pembangun hendaklah memastikan kandungan selain daripada teks Al-Qur'an dan terjemahan mematuhi sebarang peraturan dan perundangan yang sedang berkuat kuasa.

6. MAKLUMAT YANG PERLU DIPAPARKAN PADA PENERBITAN TEKS AL-QUR'AN SECARA DIGITAL (SEKSYEN 8, APTQ 1986).

Setiap Teks Al-Qur'an Secara Digital yang dibangunkan di Malaysia atau luar negara ke dalam Malaysia hendaklah dengan ketara dan jelas pada keterangan aplikasi di paparan yang pertama atau yang akhir, atau dalam hal sesuatu teks rakaman, pada suatu bahagian mudah dilihat. Maklumat-maklumat tersebut ialah:

- a. Nama dan alamat pencetak atau penerbitnya, atau dalam hal teks rakaman, orang yang bertanggungjawab bagi pembuatan rakaman itu dan bagi penerbitan teks rakaman itu.
- b. Dalam hal sesuatu teks Al-Qur'an yang diimport, nama dan alamat pengimportnya.
- c. Alamat tempat ia dicetak, dirakamkan atau diterbitkan.
- d. Suatu pernyataan yang bermaksud bahawa Ayat-ayat Al-Qur'an yang terkandung di dalam teks itu telah diperakui betul oleh Lembaga menurut seksyen 6 atau 7 di bawah APTQ 1986.
- e. Nombor rujukan perakuan yang relevan.

7. PROSEDUR PERMOHONAN PERAKUAN BETUL PRUF AKHIR PENERBITAN TEKS AL-QUR'AN SECARA DIGITAL

Bagi tujuan mendapatkan perakuan betul pruf akhir penerbitan teks Al-Qur'an secara digital pemohon boleh membuat permohonan mengikut prosedur berikut:

a. Permohonan:

Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Teks Al-Qur'an (UPQ) KDN: <https://epq.kdn.gov.my/upq/>.

b. Memuat naik (*upload*) maklumat seperti berikut:

- i. Salinan Kad Pengenalan pemohon.
- ii. Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Perniagaan Terkini - Borang 9, 24 & 49 atau Borang B & D.
- iii. Salinan surat kelulusan dari JAKIM bagi Al-Qur'an terjemahan dan tafsir.
- iv. Salinan surat pelantikan Panel Perunding Al-Qur'an.
- v. Laporan semakan dan Borang Perakuan Semakan Pruf oleh Panel Perunding Al-Qur'an (Borang B1).

https://www.moha.gov.my/images/borang/PKK/BorangB1_Perakuan_PanelPerunding.pdf

c. **Serahan dokumen asal seperti berikut:**

- i. Slip permohonan.
- ii. Pruf akhir/Salinan asal:
 1. Teks Al-Qur'an Digital – 5 salinan Pruf Akhir (APK File/Testflight dan tangkap layar dalam bentuk salinan fizikal)
 2. Audio/video digital – 5 salinan Pruf Akhir

d. **Kategori bayaran adalah seperti berikut:**

- i. Menyertakan bayaran dalam bentuk **wang pos atau bank draf** atas nama "**Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri**".
- ii. Setiap kategori permohonan dikenakan bayaran sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu Lima Ratus (RM1,500.00)

BIL.	KATEGORI	KADAR BAYARAN
1.	Teks Al-Qur'an (30 Juzu') - Mushaf, digital, aplikasi - PerJuzu' / perjilid - Al-Qur'an Terjemahan / Tafsir	RM 1500.00
2.	Audio bacaan Qari Al-Qur'an (30 Juzu') - Bacaan setiap Qari - Himpunan bacaan Qari Al-Qur'an	
3.	Himpunan Surah-surah yang melebihi 1 Juzu'	
4.	Bahan Asas Pembelajaran Al-Qur'an dan Fardu Ain	

iii. Permohonan bayaran hendaklah dikemukakan kepada:

Unit Kewangan
Seksyen Khidmat Pengurusan
Bahagian Penguatkuasaan Dan Kawalan
Kementerian Dalam Negeri

iv. Mengemukakan resit bayaran kepada:

Seksyen Regulatori Al-Qur'an dan Hadith
Bahagian Penguatkuasaan Dan Kawalan
Kementerian Dalam Negeri

8. PENUTUP

Adalah diharapkan penerbitan garis panduan ini dapat menjadi panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan teks Al-Qur'an secara digital dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing selaras dengan Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 (Pindaan) 2023. Lembaga boleh meminda atau membatalkan mana-mana garis panduan atau arahan yang dikeluarkan di bawah seksyen 26 APTQ 1986. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila layari www.moha.gov.my atau hubungi Seksyen Regulatori Al-Qur'an dan Hadith, Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri, Aras 5, Setia Perkasa 1, Kompleks Setia Perkasa, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 Putrajaya.

Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan
Kementerian Dalam Negeri

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PENERBITAN TEKS AL-QUR'AN SECARA DIGITAL

TANGGUNGJAWAB/

TINDAKAN

PROSES KERJA

